

680 set bubu naga RM75,360 dirampas di perairan Perak

8H 26/8/2022 ms:22

Lumut: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak merampas 680 set bubu naga dianggarkan bernilai RM75,360 di sekitar perairan Perak dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, tahun ini.

Pengarah Maritim Malaysia Perak, Kepten Maritim Mohd Hambali Ya'akup, berkata rampasan itu dilakukan di perairan Kuala Kurau, Pulau Talang dan Pantai Remis sepanjang Januari hingga Julai lalu.

Beliau berkata, pihaknya mengesan penggunaan bubu naga di perairan negeri ini berleluasa yang boleh mengganggu habitat marin dalam jangka panjang dengan menyebabkan ekosistem marin terancam, terutama di pesisir pantai.

"Ia sekali gus menjadikan sumber pendapatan nelayan pantai. Kita bimbang jika penggunaannya masih diteruskan, populasi habitat marin di negeri ini bakal berkurang dan generasi akan datang bakal terkesan."

"Biarpun penguatku-



Anggota Maritim Malaysia Perak merampas bubu naga di perairan Tanjung Hantu, Lumut.

(Foto ihsan Maritim Malaysia Perak)

saan dilakukan dan bubu itu dirampas, penggunaan alat terbabit di laut sukar dibendung kerana ia digunakan secara pasang dan tinggal, selain mudah didapati di pasaran terbuka," katanya dalam kenyataan semalam.

Peralatan tak dituntut

Mohd Hambali berkata, berikutan penggunaan bubu naga adalah secara pa-sang dan tinggal, tiada mana-mana pihak tampil menuntut peralatan berkenaan sekiranya ia diram-

pas pihak berkuasa.

Dalam kes terbaru, katanya, Maritim Malaysia Perak merampas 50 bubu naga pada kedudukan 2.7 batu nautika barat Tanjung Hantu, di sini, kira-kira jam 12.30 tengah hari Selasa lalu.

"Semua 50 set bubu naga itu diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia Perak untuk tindakan lanjut," katanya mengingatkan, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985.